Sistem Bahasa: Bahagian B

A. ***Klik jawapan yang paling sesuai bagi ayat-ayat di bawah ini.***

(i) Abang Wahid menghantar komputer ribanya yang rosak itu ke kedai untuk (diteliti, dibaiki, diperhati).

(ii) Zu Lee (terambil, tertarik, terbeli) jam tangan adiknya sewaktu tergesa-gesa untuk ke sekolah.

(iii) Budak lelaki itu (tertimpa, tersentuh, terlanggar) oleh motosikal yang sedang ditunggang dengan lajunya ketika mahu melintas jalan.

(iv) Beberapa biji kelapa (diletakkan, dilepaskan, dimasukkan) oleh ayah di halaman rumah.

(v) Semak samun di belakang rumah sudah (ditebang, ditebas, dibelah) oleh ayah.

B. ***Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini dengan kata kerja pasif yang sesuai.***

dibenarkan	dimasukkan	dipanah	diusung	dikemas	dijual

(i) Beberapa batang pokok durian Pak Zain mati akibat _____ petir.

(ii) Kereta lama ayah telah _____ kepada rakan baiknya.

(iii) Murid-murid tidak _____ bercakap apabila peperiksaan sudah bermula.

(iv) Buku-buku itu telah _____ oleh Vithya ke dalam beg sekolahnya.

(v) Pemain bola sepak yang mengalami kecederaan itu _____ keluar dari padang.

(vi) Alat permainan adik yang bersepah-sepah itu sudah _____ oleh kakak.

LIVEWORKSHEETS